

# PANGLIMA TENTERA UDARA MENGHADIRI PACIFIC AIR CHIEF SYMPOSIUM 2017

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2480-panglima-tentera-udara-menghadiri-pacific-air-chief-symposium-2017](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2480-panglima-tentera-udara-menghadiri-pacific-air-chief-symposium-2017)

Panglima Tentera Udara telah tiba di Honolulu, Hawaii, Amerika Syarikat untuk menghadiri *Pacific Air Chief Symposium 2017* (PACS17) mulai 26 hingga 28 September 2017.

Panglima Tentera Udara serta Ketua Turus Tentera Udara yang menghadiri PACS17 ini telah disambut meriah oleh General Terence O'Shaughnessy, *Commander Pacific Air Forces* dan diberi penghormatan *Honor Guard Cordon* di PACAF HQ sebelum upacara perasmian PACS17.

Simposium anjuran *United States Air Force Pacific Air Command* adalah acara tahunan yang mengumpulkan Ketua-Ketua Turus Tentera Udara dari serantau Indo-Asia-Pasifik untuk membincangkan perihal geo-strategik serantau demi kepentingan bersama.

Tema yang diunjurkan untuk PACS17 ialah *Challenges to Regional Security: Promoting Combined Operations in the Indo-Asia-Pacific*. Sebanyak 8 sesi seminar dirancang sepanjang PACS17 yang merangkumi pelbagai topik berkaitan pendokongan kuasa udara di dalam menangani cabaran keselamatan serantau. Panglima Tentera Udara turut bakal menyumbangkan buah fikiran sebagai ahli panel di dalam sesi seminar bertopik *Air Power in Counter Insurgency / Counter Violent Extremist Organizations*.

Simposium sebegini menjadi satu pelantar yang membolehkan perkongsian idea dan pandangan sebagai salah satu usaha untuk merapatkan hubungan diplomasi pertahanan dan juga confidence building di antara negara serantau.

